

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN YB TUAN LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN
UNTUK KARNIVAL PENGANGKUTAN SISWA MADANI DAN
FLYSISWA 2026**

13 Januari 2026 (Selasa)

**Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan
Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS)
Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang**

Yang Berhormat Senator **Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin
Abd Kadir**
Menteri Pendidikan Tinggi

YBhg. **Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan

YBhg. **Dato' Normah Osman**
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Pengangkutan

YBhg. **Dato' Profesor Ir. Dr. Ahmad Farhan bin Mohd
Sadullah**
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

Pengurusan Tertinggi Universiti Awam, Politeknik, Kolej
Komuniti, Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru

Rakan-Rakan Media

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Seri

Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir ke Karnival Pengangkutan Siswa MADANI dan FLYsiswa 2026 pada petang ini.

2. Kehadiran beliau menzahirkan komitmen dan sokongan pemimpin negara terhadap inisiatif-inisiatif Kerajaan yang melibatkan golongan pelajar dan belia.
3. Penghargaan saya juga kepada Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kepimpinan tertinggi UPM di atas kerjasama dan komitmen sebagai rakan strategik kepada Kementerian Pengangkutan bagi menjayakan program Karnival Pengangkutan Siswa MADANI dan FLYsiswa 2026 bersama-sama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia, serta tidak dilupakan terima kasih kepada para pelajar dan hadirin sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada petang ini.

Hadirin sekalian,

4. Inisiatif FLYsiswa, iaitu bantuan subsidi tiket penerbangan khusus kepada pelajar-pelajar, adalah suatu inisiatif

Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman.

5. Pelaksanaan inisiatif ini juga merupakan antara usaha Kerajaan MADANI untuk merapatkan jurang Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan secara tidak langsung dari aspek kekeluargaan, harmoni dan kesejahteraan rakyat termasuk golongan pelajar.
6. Kerajaan sentiasa komited dan peka mendengar suara rakyat terhadap permasalahan yang dihadapi. Sehubungan itu, Kerajaan tidak teragak-agak memperuntukkan sejumlah dana yang besar iaitu sebanyak RM24 juta bagi melaksanakan inisiatif FLYsiswa sebagai program tahunan MOT mulai tahun 2025, khusus untuk terus membantu pelajar kurang berkemampuan. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka memberi kelegaan kepada kira-kira 60,000 orang pelajar yang menggunakan perkhidmatan penerbangan domestik melibatkan laluan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
7. Melalui inisiatif Flysiswa, setiap pelajar yang layak akan menerima baucar digital bernilai RM400 daripada salah satu syarikat penerbangan yang terlibat, iaitu Malaysia

Airlines Berhad, AirAsia Berhad dan Batik Air termasuk Firefly dan Air Borneo (dahulunya dikenali sebagai MASwings).

Hadirin sekalian,

8. Semenjak pelaksanaan inisiatif FLYsiswa ini pada 2023 hingga 31 Disember 2025, seramai 119,790 orang pelajar atau 75.53% daripada keseluruhan 158,600 pelajar yang layak telah menerima manfaat daripada bantuan subsidi tiket penerbangan ini.
9. Ini merangkumi:
 - a. 37,551 atau 74.96% daripada keseluruhan 50,095 pelajar pada tahun 2023,
 - b. 37,498 atau 72.04% daripada keseluruhan 52,055 pelajar pada tahun 2024 dan
 - c. 44,741 atau 79.26% daripada keseluruhan 56,450 pelajar pada tahun 2025.
10. Pelaksanaan FLYsiswa tidak akan berjaya tanpa kerjasama erat MOT bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan syarikat-syarikat penerbangan negara.
11. Keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan rakyat, terutamanya para pelajar yang terkesan dengan kos

tambang penerbangan yang tinggi, dizahirkan melalui pelaksanaan inisiatif FLYsiswa.

12. Untuk tahun 2026, MOT akan **memperluaskan inisiatif bantuan subsidi** pembelian tiket penerbangan FLYsiswa **kepada empat (4) kategori** institusi pengajian tambahan iaitu:

- (a) Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA);
- (b) Institusi Latihan Jabatan Tenaga Malaysia (ILJTM);
- (c) Universiti Separa Kerajaan (*Government-linked Universities* – GLU); dan
- (d) Institusi Pengajian Tinggi Milik Kerajaan Negeri (IPTN).

Pendekatan ini adalah langkah progresif yang akan menjamin ekuiti, inklusiviti, dan menyokong sektor pendidikan awam. Perincian berhubung perkara ini akan diumumkan dalam masa terdekat.

13. Ia dijangka akan memanfaatkan tambahan **seramai 6,278 orang pelajar** dan pada masa yang sama mengiktiraf peranan penting institusi-institusi ini dalam pembangunan modal insan negara. Pelaksanaan cadangan peluasan

skop FLYsiswa ini akan menggunakan peruntukan sedia ada atau sebarang penjimatan dalaman MOT.

14. Usaha dan inisiatif Kerajaan MADANI melalui MOT tidak akan terhenti setakat pelaksanaan FLYsiswa sahaja. Kementerian Pengangkutan komited untuk terus memperkenalkan pendekatan-pendekatan baharu dalam menyediakan bantuan kepada para pelajar agar mereka dapat memanfaatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih mampu milik dan inklusif.
15. Akhir kata, saya menyeru kepada semua pelajar yang layak agar memanfaatkan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan melalui inisiatif FLYsiswa. Saya juga berharap agar semua pihak terutamanya Kementerian-Kementerian terbabit dan syarikat-syarikat penerbangan negara akan terus memberikan sokongan berterusan terhadap pelaksanaan FLYsiswa dari pelbagai aspek demi manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]